

18/04/2001

Dr M mahu UIAM jadi pusat semua bidang ilmu

Kadir Dikoh; Mona Ahmad; Johan Afandi

KUALA LUMPUR, Selasa - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) perlu menjadi wadah untuk memperluaskan umat Islam mempelajari semua bidang, bukan semata-mata sebagai pusat teologi, kata pengasasnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini bertujuan membina ummah berilmu, berkemahiran dan berpengetahuan dalam Islam bagi menjadikan mereka berupaya membangun masyarakat sendiri serta negara untuk bersaing dalam dunia yang penuh cabaran.

"Kita harus mengembalikan Islam ke tempat yang menjadi haknya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, untuk membawa balik bukan sahaja kegemilangan Islam malah kebolehan lain di dunia ini.

"Kita percaya bahawa inilah yang Islam mahu kita lakukan," katanya berucap merasmikan kampus UIAM dan persidangan kedua Kesatuan Universiti Negara Islam (FUIW), di sini hari ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Presiden UIAM, Tan Sri Sanusi Junid; Rektor UIAM, Prof M Kamal Hassan dan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Dr Abdelouahed Belkeziz.

Perasmian kampus itu, 18 tahun selepas penubuhan UIAM pada Mei 1983, cukup bersejarah kerana Malaysia berjaya menubuhkan sebuah universiti Islam yang dikagumi dan disegani di seluruh dunia.

Ketika ditanya dalam sidang akhbar kemudian mengenai perasaannya dengan kejayaan UIAM, Dr Mahathir bersyukur kerana apa yang dirancang menjadi kenyataan dengan pelajar universiti itu yang datang dari lebih 90 negara yang mempunyai penduduk Islam.

Bagaimanapun, katanya, banyak lagi yang boleh dilakukan oleh UIAM untuk menjadikannya sebuah institusi pendidikan yang unggul.

Beliau berkata, penubuhan UIAM dilhamkan kerana pada satu ketika, kebanyakan universiti Islam di beberapa negara menitikberatkan hanya mata pelajaran agama yang seolah-olah mata pelajaran lain tidak mempunyai kaitan dengan agama.

Dalam ucapannya di majlis itu, Perdana Menteri juga berkata sebab sebenar umat Islam jauh ketinggalan adalah kerana mereka sering dinasihati bahawa menjadi tanggungjawab agama mereka untuk menuntut ilmu agama sebagai bekalan ke akhirat.

Katanya, mereka tidak digalakkan menuntut ilmu dalam pengajian yang berbentuk bukan keagamaan kerana mereka menganggap ia sebagai sekular.

"Malah ibu bapa diketahui mendesak anak mereka menuntut ilmu agama kerana mereka sendiri akan mendapat pahala dan di Malaysia ada profesional melahirkan kekesalan mereka kerana memilih satu kerjaya sedangkan mereka sepatutnya menuntut ilmu agama," katanya.

Dr Mahathir berkata untuk menebus apa yang dianggap dosa, mereka menghantar semua anak mereka ke sekolah agama atau untuk menjadi hafiz.

"Kita tahu bahawa ramai umat Islam mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang ilmu seperti sains dan kejuruteraan dan lebih ramai lagi yang sepatutnya mempelajari subjek penting ini tidak berbuat demikian kerana walaupun mereka mungkin bijak, mereka dipengaruhi untuk mempercayai bahawa pengajian dalam bidang itu adalah sekular," katanya.

Malah, katanya, bagi memburukkan lagi keadaan, ramai yang menuntut ilmu dalam bidang bukan agama diganggu oleh mereka yang mahukan golongan ini

memberi lebih tumpuan masa kepada pelbagai kegiatan berbentuk keagamaan.

"Mereka didesak menyertai kegiatan yang tiada kaitan langsung dengan pengajian mereka. Sesetengahnya dipujuk mengambil bahagian dalam kegiatan yang dikatakan demi kepentingan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua mata pelajaran yang diajar dilabel sebagai sekular dan oleh itu tidak sesuai bagi umat Islam mempelajarinya.

"Pelajar Islam akan berasa bersalah jika mereka mendesak untuk mempelajari mata pelajaran itu dan mereka akan melakukan sebaik mungkin serta memperuntukkan lebih masa terhadap agama supaya tidak dianggap tidak alim oleh rakan sebayanya dan ini melemahkan keupayaan mereka untuk menguasai mata pelajaran itu," katanya.

Perdana Menteri berkata wujud begitu banyak kekeliruan di kalangan umat Islam berhubung sekularisme kerana sesetengah mereka cenderung untuk menganggap apa sahaja yang bukan berkaitan dengan amalan fardu dalam Islam, mengenai undang-undang Islam dan teologi Islam sebagai sekular.

"Ini amat malang sekali kerana ia boleh menjadikan Islam satu agama yang terasing, tidak mampu untuk memahami dan berhadapan dengan apa saja selain yang mereka anggap sebagai yang berkaitan dengan agama," katanya.

Beliau berkata, keadaan ini amat salah sekali kerana Islam bukan semata-mata satu kepercayaan untuk dihayati tetapi ia adalah cara hidup.

"Oleh itu, Islam sepatutnya berkaitan dengan semua yang dilakukan dalam kehidupan seharian, sama ada sebagai seorang individu atau sebagai anggota masyarakat," katanya.

(END)